

KENYATAAN AKHABAR
YB TAN SRI HJ. NOH BIN OMAR
MENTERI DI KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

- 1) Kebakaran ini melibatkan sebuah bangunan 6 tingkat di bangunan KWSP, Jalan Gasing, 46598, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
- 2) Bangunan KWSP ini telah membuat pengubahsuaian yang melibatkan pemasangan *cladding* pada tahun 2003.
- 3) *Cladding* jenis EIFS (*Exterior Insulation and Finish System*) diperbuat daripada bahan mudah terbakar yang terdiri ***Polystyrene foam***.
- 4) Pada 13 Februari 2018, Bilik Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia menerima panggilan 11:52 dan Jentera Bomba sampai ke tempat kejadian pada 11:57. Pasukan Bomba sampai ke tempat kejadian dalam masa 4 minit.
- 5) Kebakaran ini telah berjaya dikawal dalam tempoh 30 minit.
- 6) Seramai 527 orang pekerja di bangunan tersebut telah berjaya menyelamatkan diri.
- 7) Kebakaran melibatkan 5% daripada keseluruhan bangunan iaitu pada bahagian *cladding* di kedua-dua belah bangunan (iaitu bahagian

sebelah kiri dan belakang), manakala bahagian dalam cuma berlaku sebahagian kecil ditingkat 6.

8) Kebakaran ini berlaku semasa kerja-kerja pembaikan masalah kebocoran External Insulation Finishes System (*waterproofing*) dengan menggunakan granule bitumen membrane roll dilakukan di **Foyer disebelah belakang di tingkat satu bangunan**. *Waterproofing membrane* perlu dileburkan terlebih dahulu bagi membolehkan bahan tersebut melekat pada lantai konkrit. Kaedah untuk melebur *waterproofing membrane* adalah menggunakan Single Burner (LPG) *Flame Gun*. Gas yang digunakan adalah LPG

9) Berdasarkan kesan kebakaran (*fire effect*) dan keterangan saksi, didapati tempat bermula kebakaran adalah **sebelah kiri di Bahagian Belakang di tingkat satu Foyer floor**.

10) Sumber nyalaan (*source of ignition*) yang mencetuskan kebakaran adalah **nyalaan daripada LPG** yang digunakan pada *Single Burner (LPG) Flame Gun* terkena pada *cladding* dipasang pada bahagian luar dinding bangunan tersebut. Kemudian kebakaran ini merebak dengan cepat pada *cladding yang* diperbuat daripada bahan mudah terbakar iaitu ***Polystyrene foam***.

11) Suka ditegas disini bahawa kebakaran ini tiada unsur-unsur perbuatan jenayah. Sebaliknya punca kebakaran adalah kemalangan (*accidental fire*).

Saya dengan ingin menegaskan mana-mana bangunan yang memasang cladding dengan bahan-bahan yang tidak diluluskan supaya menanggal cladding tersebut dengan segera untuk mengelakkan kejadian sama berlaku. Sebaliknya menggantikan bahan-bahan yang telah diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Bahan-bahan yang dibenarkan pada salutan dinding luar (Cladding) mengikut by-Law 144 UBL 1984 adalah bahan kelas O, antara bahan yang telah diluluskan

- (1). Clay Material for Finishing Materials for Wall,
- (2) Aluminium Composite Panel,
- (3) Exterior Compact High Pressure Laminates.